

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 NOVEMBER 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 25

## Peniaga yakin suasana perniagaan lebih baik akhir 2023

# Peniaga yakin suasana perniagaan lebih baik akhir 2023

Peniaga menjangkakan suasana perniagaan yang lebih baik pada suku keempat 2023 dengan petunjuk keyakinan positif sebanyak 3.2 peratus, meningkat daripada 0.7 peratus pada suku tahun ketiga 2023, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata perkhidmatan, industri dan pembinaan adalah tiga sektor yang menjangkakan keadaan perniagaan yang lebih baik pada suku terakhir tahun ini.

Beliau berkata, keyakinan perniagaan bagi sektor perkhidmatan kekal pada trajektori positif dengan petunjuk keyakinan meningkat kepada 6.3 peratus

berbanding 6.1 peratus pada suku tahun sebelumnya.

"Sementara itu, sektor industri terus optimis terhadap prestasi perniagaan, dengan petunjuk keyakinan sebanyak 4.0 peratus bagi suku tahun sama berbanding 1.3 peratus pada suku tahun ketiga 2023.

"Pada masa sama, sentimen dalam sektor pembinaan meningkat kepada trajektori positif buat kali pertama sejak suku pertama 2018 dengan catatan 1.7 peratus berbanding -26.9 peratus pada suku ketiga 2023.

"Walau bagaimanapun, peniaga dalam sektor perdagangan



Mohd Uzir Mahidin

borong dan runcit menjangkakan prospek perniagaan yang pesimistik, dengan petunjuk keyakinan sebanyak -3.6 peratus pada suku keempat 2023 berbanding -1.5 peratus pada suku tahun sebelumnya," katanya dalam kenyataan yang diterbitkan

DOSM mengenai statistik kecenderungan perniagaan bagi suku tahun keempat 2023.

### Jangkaan sektor

Penerbitan ini memaparkan jangkaan prestasi perniagaan bagi tiga dan enam bulan yang akan datang.

Menuju ke hadapan, unjuran perniagaan bagi tempoh Oktober 2023 hingga Mac 2024 dijangka kekal rancak, walaupun menyederhana, dengan imbalan bersih 9.8 peratus berbanding 13.9 peratus dicatatkan sebelum ini, disokong oleh semua sektor yang positif kecuali perdagangan borong dan runcit.

Sentimen dalam sektor perkhidmatan kekal positif, dengan imbalan bersih 19 peratus.

Bagi enam bulan mendatang, semua subsektor di bawah sektor perkhidmatan menjangkakan persekitaran perniagaan positif.

Sektor industri juga meramalkan prospek perniagaan lebih cerah, dengan imbalan bersih 7.5 peratus bagi tempoh Oktober 2023 hingga Mac 2024.

Selepas melonjak ke trajektori positif untuk separuh kedua tahun 2023, sektor pembinaan terus meningkat ketara, dengan imbalan bersih 27.6 peratus untuk enam bulan akan datang.

Sektor perdagangan borong & runcit menjangkakan prospek perniagaan yang mencabar untuk enam bulan berikutnya dengan imbalan bersih sebanyak -4.6 peratus.

Senario ini disebabkan oleh sentimen yang pesimis daripada subsektor perdagangan borong.

Namun, subsektor perdagangan runcit melonjak semula ke trajektori positif dengan mencatat 3.0 peratus bagi jangkaan enam bulan ke hadapan berbanding -12.4 peratus yang direkodkan sebelum ini.